

**DIP. PENGURUSAN BANK
ITM
KM 26 JALAN LENDU
78000 ALOR GAJAH
MELAKA**

**Rancangan Perniagaan
'Intellectual Centre'
Asas Keusahawanan (ETR 300)**

**Disediakan Untuk:
Tuan Haji Jamaluddin
Pensyarah Asas Keusahawanan
ITM
Cawangan Melaka**

Disediakan Oleh:

<i>Anita Ismail</i>	96962043
<i>Azwatul Akma Shmuin</i>	96141241
<i>Suziliana Kasmiran</i>	96243726
<i>Roslindawati Mohammad</i>	96591773
<i>Jumak Yah Ab Rani</i>	96960966
<i>Noor Azwani Alias</i>	96349504

SURAT PENYERAHAN

**Diploma In Banking
ITM Cawangan Melaka
KM 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka**

15 Disember 1998

**Tuan Haji Jamaluddin
Pensyarah ETR 300
ITM Cawangan Melaka
KM 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka**

Tuan,

Penyerahan Rancangan Perniagaan

Merujuk kepada perkara di atas, kami pelajar daripada Kursus Diploma Perbankan, dengan rasa sukacitanya menyerahkan hasil laporan Rancangan Perniagaan yang telah dipertanggungjawabkan kepada kami.


Di atas persetujuan semua belah ahli lembaga pengarah, kami telah menamakan projek kami Intellectual Centre iaitu sebuah syarikat yang membeli, menjual dan menyewa buku-buku cerita, novel, majalah dan komik yang terbaru dan terpakai. Selain itu, kami juga membeli dan menjual bahan-bahan bacaan akademik yang terbaru dan terpakai. Projek ini akan dijalankan di F1/ 8-9, First Floor, Plaza Hang Tuah, Jalan Tun Mamat, 75300 Melaka.


Harapan kami agar segala usaha dan penat lelah kami dalam menyiapkan Rancangan Perniagaan ini dapat mencapai matlamat yang ditampikan. Segala kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan projek ini adalah amat kami hargai.

Semoga segala usaha kami diberkati Allah S.W.T dan segala jasa baik pihak Tuan kami ucapkan terima kasih.

Yang benar,



(Anita Ismail)
Pengurus Besar


(Azwatul Akma Shmuin)
Pengurus Pemasaran


(Jamak Yah Ab. Rani)
Pengurus Kewangan I


(Suziliana Kasmiran)
Pengurus Operasi I


(Noorazwani Alias)
Pengurus Kewangan II


(Roslindawati Mohammed)
Pengurus Operasi II



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:

24hb. Disember 1998

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Surat Tuan:

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Surat Kami:

100-CM(AKA 37/B)

Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma In Banking Studies di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Suziliana Kasmiran	96243726
2.	Jamakyah Ab. Rani	96960966
3.	Roslindawati Mohamed	96591773
4.	Anita Ismail	96962043
5.	Noor Azwani Alias	96349504
6.	Azwatul Akma Shmuin	96141241

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ASMAH HJ. ZAINUDDIN

Ketua Kursus DIB

ITM Melaka.

b/p Pengetua

1.0 PENGENALAN

Malaysia pada hari ini adalah sebuah negara yang pesat membangun. Senario antarabangsa telah menggalakan pertumbuhan ekonomi di Malaysia berkembang pada kadar 8%. Hasil daripada pertumbuhan ini menggalakan lagi sektor perniagaan. Justeru itu ramai usahawan muda yang tumbuh bagaikan cendawan. Agama Islam juga menggalakan umatnya untuk menceburi bidang perniagaan.

Sehubungan itu, tertubuhlah syarikat kami yang diberi nama 'Intellectual Centre'. Syarikat kami adalah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan menjual dan menyewa buku-buku terbaru dan terpakai. Syarikat ini terdiri daripada 6 orang pemilik syarikat yang bersepakat untuk menceburi bidang ini. Memandangkan ia mempunyai masa depan yang cerah dan kurang diceburi oleh kaum bumiputera.

Syarikat kami adalah syarikat perkongsian dan beroperasi di bangunan Plaza Hang Tuah, Melaka. Lokasi ini dipilih berdasarkan kedudukan yang strategik, bandar yang pesat membangun dan masih belum wujud kedai buku seumpamanya di sini. Perniagaan kami dijangka beroperasi pada 1 Januari 2003. Modal yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan ini adalah sebanyak RM 182,000. Dimana RM 132,000 adalah sumbangan daripada setiap ahli, sebanyak RM 24,500 daripada Pengurus Besar dan RM 21,500 daripada ahli-ahli kongsi yang lain. Manakal modal yang selebihnya adalah daripada pinjaman MARA iaitu sebanyak RM 50,000.